

Lelaki tidak mengaku miliki syabu

MIRI: Seorang lelaki mengaku tidak bersalah di Mahkamah Majistret di sini, semalam atas tuduhan memiliki dadah berbahaya jenis syabu.

Enderson Sila Sujang, 34, dari Empayang, Kabong di Saratok, telah didakwa mengikut Seksyen 12 (2) Akta Dadah Berbahaya (ADB) 1952 dan dihukum di bawah Seksyen 12 (3) akta yang sama.

Mengikut kesalahan ini,

tertuduh boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau penjara hingga lima tahun atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan.

Berdasarkan pertuduhan kes, tertuduh bukan sebagai seorang yang diberi kuasa di bawah ADB 1952 telah didakwa memiliki dadah berbahaya jenis Methamphetamine (syabu) dengan berat kasar 0.03 gram.

M e t h a m p h e t a m i n e

merupakan satu item yang terkandung di dalam Bahagian III Jadual Pertama ADB 1952.

Dia didakwa melakukan kesalahan itu pada jam 5.10 petang, 25 Oktober lalu di hadapan sebuah bilik sewa di Jalan Sungai Baong di sini.

Terdahulu, pegawai pendakwa Inspektor Mudzilawati Abdul Rahman memohon ditetapkan satu tarikh baharu untuk pengurusan kes me-

mandangkan tertuduh telah mengaku tidak bersalah serta minta dibicarakan lanjut.

Majistret Sandy Yvette Freddy membenarkan permohonan itu dan menetapkan 20 Disember ini sebagai tarikh pengurusan kes.

Sehubungan itu, tertuduh diperintahkan dibebaskan dengan jaminan lanjut RM2,000 berserta seorang penjamin tempatan sementara menunggu tarikh tersebut.